

21 JUL 2001

Mahathir-Juara

PERDANA MENTERI LANCAR PROTON JUARA

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan edisi terbaru kereta nasional -- Proton Juara.

Dikategorikan sebagai kenderaan pelbagai guna (MPV) mini, Juara merupakan edisi ke-11 keluaran pembuatan kereta nasional Proton.

Model Proton sebelum ini termasuk Saga, Iswara, Wira, Tiara, Putra, Satria, Satria Gti, Perdana, Perdana V6 dan Waja.

Dr Mahathir memulakan pelancaran MPV itu dengan menembak pistol permulaan memberi isyarat kepada kemunculan sebuah Juara berwarna kuning yang ditarik keluar oleh Orang Kuat Malaysia R. Letchemunah.

Majlis pelancaran warna-warni itu diadakan di Kuala Lumpur City Centre dengan persembahan menarik wushu dan gimnastik artistik.

Pada majlis itu Proton turut memberi penghargaan kepada juara sukan terbaru Malaysia, juara bina badan Sazali Samad yang ditabalkan Mr Universe dan juara boling Master Shalin Zulkifli.

Antara ciri keselamatan dan rekabentuk istimewa Juara ialah lampu halogen, bumper depan yang bergaya, penghias sisi menarik, besi penghadang sisi, bumper belakang diperbesar dan stering yang boleh diubah kedudukan naik turun.

Disebabkan ia direkabentuk untuk mudah dipandu oleh sesiapa, Proton dan Lotus telah memasang enjin MPV mini itu untuk dikendalikan seperti kereta, semasa memandu dan meletak kereta.

Bagi keselesaan memandu, Proton Juara bercirikan transmisi automatik empat kelajuan dan menggunakan kuasa enjin SOHC ekonomi 1.1 liter 16-valve yang memberikan kuasa maksimum 53 kWatts pada 6,000 RPM.

Juara akan berada di bilik-bilik pameran dan jualan pengedar Proton, Proton Edar Sdn Bhd selepas pelancaran hari ini .

Harga atas jalan Juara ialah RM49,203.62 termasuk aksesori standard.

-- BERNAMA

MAM KHY RON